

**SOALAN DAN MAKLUM BALAS BERKAITAN
KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah kursus Integriti dan Antirasuah dijadikan salah satu kursus wajib bawah MPU dan apakah kelompok MPU bagi kursus ini?	<p>1. Kursus Integriti dan Antirasuah perlu ditawarkan sebagai kursus wajib MPU di PPT kepada pelajar ambilan/kohort baharu mulai 1 September 2023.</p> <p>2. PPT adalah diberi pilihan untuk menempatkan kursus Integriti dan Antirasuah bawah kelompok MPU seperti berikut:</p> <p>2.1. Struktur Konvensional: kelompok U3 atau U4</p> <p>2.2. Struktur Kombinasi: kelompok U2/U3 atau U4</p>
2.	Adakah PPT dibenarkan untuk mengubah suai nama kursus dan silibus Kursus Integriti dan Antirasuah yang telah diberikan oleh KPT?	Tidak. Nama Kursus Integriti dan Antirasuah tidak dibenarkan untuk berubah dan PPT perlu mematuhi silibus kursus tersebut seperti mana yang telah diberikan oleh KPT.
3.	Apakah kelayakan yang diperlukan bagi tenaga pengajar yang akan mengajar KIAR?	<p>1. Kelayakan staf akademik untuk mengajar KIAR adalah seperti berikut:-</p> <p>1.1. mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana; atau</p> <p>1.2. mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan; atau</p> <p>1.3. mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan pengalaman bekerja/mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun;</p> <p>DAN</p>

FAQ KIAR

		1.4. menghadiri dengan jayanya Bengkel ToT bagi KIAR terlebih dahulu dan mempunyai sijil ToT bagi melayakkan beliau mengajar subjek tersebut.
4.	Bilakah tarikh terakhir pelaksanaan kursus KIAR ini digunakan sepenuhnya?	Selaras dengan Surat Pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) bertarikh 9 Oktober 2023, KIAR hendaklah ditawarkan sebagai kursus wajib di semua IPT kepada pelajar ambilan/kohort baharu mulai 1 September 2023.
5.	Adakah KIAR ditawarkan kepada pelajar antarabangsa atau pelajar tempatan sahaja?	KIAR diwajibkan kepada semua pelajar di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda termasuk pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan.
6.	Bolehkah bahan pengajaran KIAR diajar dalam dwibahasa?	Boleh. Tenaga pengajar dibenarkan untuk mengajar dalam bentuk dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan/atau Bahasa Inggeris sahaja.
7.	Bolehkah pihak IPT menggantikan kursus kelompok U3 yang sedia ada kepada subjek KIAR? Sebagai contoh kursus Isu-isu Etika dan Moral di bawah U3 digantikan dengan KIAR.	Boleh. PPT boleh menggantikan kursus U3 sedia ada kepada KIAR.
8.	Bolehkah pihak IPT menggantikan kursus kelompok U4 yang sedia ada kepada subjek KIAR? Sebagai contoh Khidmat Masyarakat di bawah U4 digantikan dengan KIAR.	Boleh. PPT boleh menggantikan kursus U4 sedia ada kepada KIAR.
9.	Adakah perlu pelajar yang sedang berada di Sem 5 Sesi 2022/2023 atau sedang mengikuti Latihan Industri perlu mengambil KIAR?	Tidak perlu. KIAR hanya perlu ditawarkan sebagai kursus wajib di semua IPT kepada pelajar ambilan/kohort baharu mulai 1 September 2023.

FAQ KIAR

10.	Adakah KIAR dibenarkan untuk ditawarkan pada peringkat sijil di bawah kelompok U3 tetapi di peringkat Ijazah ditawarkan di bawah kelompok U4?	Boleh dengan syarat KIAR ditawarkan dalam institusi yang sama tertakluk kepada kelulusan Senat.
11.	Bolehkah IPT menawarkan KIAR di peringkat Diploma dengan struktur Konvensional manakala di peringkat Sarjana Muda dengan struktur Kombinasi?	JPT tidak membenarkan pihak IPT membuat struktur yang berbeza bagi setiap tahap pengajian. IPT perlu memilih satu struktur sahaja sama ada struktur konvensional atau struktur kombinasi.
12.	Adakah pelaksanaan KIAR ini perlu dimaklumkan kepada MQA bagi tujuan penilaian awal mata pelajaran MPU?	Tidak perlu kerana KIAR bukan di bawah kelompok U1. PPT hanya perlu memenuhi jumlah jam kredit seperti penetapan di dalam surat pemakluman JPT.
13.	Adakah pelajar Sijil Siswazah (<i>Graduate Certificate</i> level 6) perlu mengambil KIAR?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penawaran MPU bagi program Diploma Lanjutan, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah diwajibkan kepada pelajar kemasukan mulai 1 September 2023 yang belum pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya. 2. Ini bermaksud pelajar yang pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya, pelajar berkenaan diberi pengecualian sepenuhnya termasuk subjek KIAR.
14.	Adakah Pegawai SPRM akan datang ke IPT untuk menyampaikan sesi perkongsian SPRM (<i>sharing session</i>)? Bolehkah pihak IPT kami menukarkan sesi tersebut kepada kelas seperti biasa sahaja?	<p>Jika IPT mempunyai kekangan untuk melawat HQ SPRM, sesi perkongsian SPRM (<i>sharing session</i>) boleh dibuat melalui <i>virtual talk</i> secara atas talian.</p> <p>Selain daripada pegawai SPRM di Ibu Pejabat, IPT juga boleh menjemput pegawai di SPRM cawangan negeri atau pegawai polis/kastam di kawasan</p>

FAQ KIAR

		<p>masing-masing bagi menyampaikan sesi perkongsian kes-kes rasuah.</p> <p>JPT juga tiada halangan sekiranya IPT menggantikan lawatan ke SPRM tersebut dengan kelas seperti biasa.</p>
15.	Adakah PPT dibenarkan untuk melaksanakan KIAR dengan menggabungkan pelajar-pelajar ambilan September 2023, Januari 2024 dan Mei 2024 atau sebaliknya?	<p>1. Ya. IPTS dibenarkan menggabungkan pelajar-pelajar dari pelbagai ambilan seperti ambilan bulan September 2023, Januari 2024, Mei 2024, dalam satu kelas yang sama bagi subjek KIAR dengan syarat berikut:</p> <p>1.1. jam kredit bagi subjek KIAR dalam kelas yang digabungkan tersebut hendaklah sama; dan</p> <p>1.2. bahan pengajaran dan hasil pembelajaran adalah sama bagi kelas yang digabungkan.</p>
16.	Adakah pelajar yang ingin membuat pemindahan kredit bagi subjek KIAR dari tahap diploma ke tahap Ijazah Sarjana Muda dengan jumlah jam kredit berbeza dibenarkan? Sebagai contoh IPT A menawarkan 2 kredit manakala IPT B ialah 3 jam kredit.	<p>1. Ya. Pelajar dibenarkan untuk membuat pemindahan kredit secara menegak (<i>vertical credit transfer</i>) bagi subjek MPU KIAR dari tahap diploma ke tahap Ijazah Sarjana Muda walaupun kedua-dua tahap pengajian tersebut menawarkannya dengan jumlah jam kredit berbeza.</p> <p>2. Melalui pemindahan jam kredit ini juga, pelajar tersebut dikecualikan daripada mengikuti KIAR di peringkat ijazah.</p> <p>3. Walau bagaimanapun, pelajar tersebut masih perlu memenuhi keperluan jam kredit MPU untuk bergraduat di peringkat Ijazah Sarjana Muda, sebagaimana yang ditetapkan oleh setiap IPT.</p>

FAQ KIAR

17.	Adakah PPT dibenarkan untuk menggabungkan pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ke dalam satu kelas yang sama?	<p>1. Ya. IPTS dibenarkan menggabungkan pelajar-pelajar di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam satu kelas yang sama bagi subjek KIAR dengan syarat berikut:</p> <p>1.1. jam kredit bagi subjek KIAR dalam kelas yang digabungkan tersebut hendaklah sama; dan</p> <p>1.2. pengajaran dan hasil pembelajaran adalah sama bagi kelas yang digabungkan.</p>
18.	Adakah calon tenaga pengajar di IPTS (belum ada permit mengajar) dibenarkan mengajar kursus Integriti dan Antirasuah, tetapi beliau pernah menghadiri ToT untuk subjek Falsafah Dan Isu Semasa?	<p>1. Bengkel ToT yang diadakan secara berkala bertujuan untuk memberikan penerangan dan perincian kepada tenaga pengajar IPTS khususnya modul-modul subjek MPU yang berkaitan.</p> <p>2. Oleh yang demikian, semua tenaga pengajar IPTS hendaklah menghadiri dengan jayanya Bengkel ToT bagi KIAR terlebih dahulu bagi melayakkan beliau mengajar subjek tersebut.</p> <p>3. Walau bagaimanapun, syarat ini adalah tidak terpakai kepada tenaga pengajar IPTS yang telah menghadiri bengkel ToT KIAR sebelum ini.</p>
19.	Bolehkah KIAR diajar oleh lebih daripada seorang tenaga pengajar bagi satu kelas? Sebagai contoh, 7 minggu pertama pensyarah A dan 7 minggu terakhir pensyarah B.	<p>1. Secara umumnya, subjek MPU KIAR hendaklah dilaksanakan selaras dengan:</p> <p>1.1. surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh JPT mengenai perkara yang sama;</p>

FAQ KIAR

		<p>1.2. struktur KIAR; dan</p> <p>1.3. Proforma KIAR yang mengandungi perincian pelaksanaan subjek termasuk Hasil Pembelajaran, dan kandungan kursus.</p> <p>2. Penugasan tenaga pengajar yang berlainan bagi sesebuah kelas KIAR boleh dilaksanakan oleh IPTS dengan syarat ia tidak mengganggu kelancaran kelas dan pentaksiran serta tidak menjejaskan Hasil Pembelajaran KIAR secara keseluruhannya sebagaimana yang telah ditetapkan.</p> <p>3. IPT perlu memastikan kelayakan tenaga pengajar KIAR adalah seperti mana yang telah ditetapkan oleh JPT.</p>
20.	Adakah pensyarah yang telah menghadiri bengkel ToT JPT dibenarkan untuk memberi TOT kepada pensyarah yang tiada sijil ToT?	Pensyarah yang sudah memiliki sijil <i>Training of Trainers</i> (ToT) tidak dibenarkan untuk memberi ToT kepada pensyarah yang tiada sijil ToT. Bengkel ToT hanya boleh dilaksanakan oleh JPT melalui penceramah MPU yang dilantik oleh Jabatan ini.
21.	Adakah IPTS dibenarkan untuk melaksanakan/menganjurkan bengkel <i>Training of Trainers</i> (ToT) secara <i>in house</i> ?	IPTS tidak dibenarkan untuk melaksanakan/menganjurkan bengkel <i>Training of Trainers</i> (ToT) secara <i>in house</i> . Sesi ToT tersebut dilaksanakan oleh JPT secara berkala atau mengikut keperluan kepada semua IPTS.
22.	Apakah yang dimaksudkan dengan struktur Konvensional dan struktur Kombinasi?	1. Struktur MPU Konvensional bermaksud kelompok U1, U2, U3 dan U4 dikategorikan sebagai satu-satu kelompok yang berasingan.

FAQ KIAR

		<p>2. Di bawah Struktur MPU Kombinasi pula, kelompok U2 dan U3 dibenarkan untuk digabung menjadi satu kelompok sahaja dan dikenali sebagai Kelompok U2/U3.</p>
<p>23.</p>	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan 1 + 1 dalam pelaksanaan KIAR?</p>	<p>1. Secara amnya, penawaran 1+1 kredit bermaksud MPU KIAR ditawarkan</p> <p>1.1. secara dua tahap (Tahap 1 dan 2); dan</p> <p>1.2. dalam 2 semester sebagaimana Proforma KIAR yang dikeluarkan melalui surat JPT/GS1000-610 Jld.14 (29) bertarikh 9 Oktober 2023.</p> <p>2. Tumpuan utama kaedah penawaran berbentuk 1+1 adalah khusus untuk pelajar yang memilih untuk mengikuti MPU di dalam Kelompok U4 sama ada di bawah struktur konvensional atau kombinasi.</p> <p>3. Kaedah penawaran ini telah dirangka bagi melahirkan pelajar yang berupaya mengaplikasikan kemahiran insaniah. Di bawah kaedah penawaran ini, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan meliputi aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah.</p>
<p>24.</p>	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan "Sekiranya pelajar telah memindah kredit secara menegak bagi kursus ini pada peringkat Diploma dan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, pelajar tersebut diberikan pengecualian mengambil KIAR dan perlu mengambil subjek lain untuk</p>	<p>1. Pelajar dibenarkan untuk membuat pemindahan kredit secara menegak (<i>vertical credit transfer</i>) bagi subjek KIAR dari tahap diploma ke tahap Ijazah Sarjana Muda walaupun kedua-dua tahap pengajian tersebut menawarkannya dengan jumlah jam kredit berbeza.</p>

FAQ KIAR

	<p>memenuhi jumlah kredit bergraduat” di dalam surat rujukan JPT/GS1000-610 Jld.14(29) bertarikh 9 Oktober 2023?</p>	<ol style="list-style-type: none">2. Melalui pemindahan jam kredit ini juga, pelajar tersebut dikecualikan daripada mengikuti KIAR di peringkat ijazah.3. Walau bagaimanapun, pelajar tersebut masih perlu memenuhi keperluan jam kredit MPU untuk bergraduat di peringkat Ijazah Sarjana Muda, sebagaimana yang ditetapkan oleh setiap IPT.4. Oleh yang demikian, pelajar perlu mengambil mana-mana subjek MPU lain untuk tujuan memenuhi keperluan jam kredit tersebut bagi tujuan bergraduat.
--	--	--